

02/09/1998

RM25 bilion dijangka masuk ke Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa - Langkah mengawal tukaran mata wang dijangka menambah mudah tunai dalam negara apabila anggaran RM25 bilion yang kini berada dalam pegangan akaun di luar pesisir, dibawa masuk ke Malaysia.

Langkah itu juga akan menutup pintu kepada spekulator daripada menyerang ringgit melalui luar pesisir.

Pakar ekonomi dan penganalisis yang dihubungi hari ini berpendapat ia juga berupaya menghalau `wang panas' daripada bermaharajalela di pasaran tempatan tetapi memberi kelebihan serta perlindungan kepada pelaburan langsung asing (FDI) yang membuat pelaburan jangka panjang di Malaysia.

Sesetengahnya pula menyifatkan langkah itu sebagai "drastik" dan isyarat bahawa Malaysia cuma mahu mengalu-alukan kedatangan pelabur tulen dan tidak lagi spekulator serta dana lindung nilai.

Penganalisis perbankan di TA Securities, Chie King Ngu, berkata langkah itu pasti menambah mudah tunai dalam negara apabila ringgit yang terapung dengan banyak di luar pesisir, kembali ke Malaysia.

"Jika tidak dibawa masuk, (ringgit) ini akan kehilangan nilai selepas tiada lagi pasaran ringgit di luar pesisir.

"Kita akan kerugian jika tidak membawa balik ringgit dalam tempoh sebulan yang diberi untuk berbuat demikian.

"Bagi yang masih memegang ringgit di luar negara, mereka juga akan rugi dari segi kadar faedah jika mengeluarkannya dalam tempoh belum matang," katanya.

Bank Negara mengumumkan peraturan baru kawalan tukaran wang asing yang bermatlamat menstabilkan ringgit dan melindungi ekonomi daripada kesan perkembangan terkini dalam persekitaran ekonomi dan kewangan dunia.

Peraturan baru yang berkuatkuasa serta-merta pada 1 Oktober ini juga bertujuan membendung spekulasi ke atas ringgit dan meminimumkan kesan aliran masuk modal jangka pendek terhadap ekonomi negara.

Dalam wawancara khas di televisyen hari ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, anggaran pegangan wang negara dalam akaun di luar pesisir adalah antara RM20 bilion hingga RM25 bilion, jumlah yang dianggar akan mengalir kembali ke dalam negara dalam tempoh terdekat.

Seorang pakar ekonomi di sebuah syarikat penarafan tempatan berkata, langkah mengawal tukaran asing akan menambah bekalan ringgit ke dalam sistem serta mengurangkan pengaliran keluar mata wang tempatan itu.

"Apa yang membimbangkan sekarang ialah mengenai ringgit yang tidak boleh ditukar sepenuhnya. Dengan langkah baru itu, bermakna urusan niaga ringgit di luar negara dihentikan.

"Keadaan itu menghentikan sama sekali kehadiran spekulator yang selama ini menyerang ringgit serta mata wang serantau lain," katanya.

(END)